



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS: 108 /2025

KBS TERUS MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN SUKAN DAN MERANCAKKAN SEKTOR INDUSTRI SUKAN MELALUI DANA SUKAN TAHUN 2026

12 DISEMBER 2025

1. Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk memperkukuhkan budaya bersukan, memperkasa badan sukan dan melonjakkan prestasi atlet, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan menyediakan tiga dana utama sukan pada tahun 2026 iaitu:
 - a. **Geran Padanan Sukan (GPS);**
 - b. **Dana Sukan Komuniti (DSK); dan**
 - c. **Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN).**
2. Semua permohonan dana hendaklah mematuhi syarat-syarat yang boleh dirujuk melalui laman web rasmi KBS www.kbs.gov.my di bawah ruangan “Geran / Bantuan” bermula 15 Disember 2025.
3. KBS dan mana-mana agensi di bawahnya **tidak mengenakan sebarang caj, komisen atau fi** untuk permohonan atau kelulusan dana sukan ini. KBS juga **tidak menggunakan ejen atau pihak ketiga** untuk membantu dalam permohonan dana KBS. Orang awam **disarankan** untuk **melaporkan kepada Unit Integriti, KBS** (unit_integriti@kbs.gov.my) atau SPRM (portaladuan.sprm.gov.my) jika menghadapi sebarang insiden sedemikian.
4. Pada masa yang sama KBS **memberikan peringatan tegas** bahawa tiada **seorang pun** boleh membuat tawaran atau menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah bagi apa-apa **pertandingan atau acara sukan antarabangsa** di Malaysia tanpa kelulusan bertulis Menteri terlebih dahulu, sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 33

Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576]. Kelulusan Menteri hendaklah dimohon sebelum proses pembidaan dijalankan dengan mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan untuk diteliti melalui mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Acara Sukan Antarabangsa (JKPASA).

5. Butiran bagi tiga (3) dana sukan tersebut adalah seperti berikut :

GERAN PADANAN SUKAN (GPS)

- I. Terbuka kepada **organisasi yang berdaftar di bawah Pesuruhjaya Sukan (PJS), Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS)**;
- II. Meliputi penganjuran pertandingan sukan prestasi tinggi dan impak tinggi di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa yang dilaksanakan di dalam negara;
- III. Penyaluran peruntukan secara **tuntutan pembayaran balik (*reimbursement*)** selepas program selesai (tertakluk kepada terma dan syarat);
- IV. **Kelulusan sehingga 50% daripada kos keseluruhan program atau maksimum sehingga RM1 juta** (tertakluk kepada terma dan syarat); dan
- V. Setiap pemohon **hanya dipertimbangkan satu kelulusan bagi setiap jendela** permohonan dan kelulusan bagi jendela seterusnya hanya dipertimbangkan **setelah laporan dan bayaran tuntutan kelulusan terdahulu selesai**.

DANA SUKAN KOMUNITI (DSK)

- I. Terbuka kepada **organisasi yang berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS), Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS)**;
- II. Meliputi penganjuran **program pembangunan sukan di peringkat komuniti** melibatkan aktiviti kecergasan, sukan,

rekreasi dan program Kemahiran Latihan Asas Sukan (KLAS); dan

- III. Bantuan ini diberikan secara **one-off** bagi kelulusan bernilai **RM10,000.00 ke bawah**. Bagi kelulusan **melebihi RM10,000.00**, **penyaluran akan dilakukan secara berperingkat**, iaitu 70% sebagai pendahuluan, manakala baki 30% akan disalurkan selepas laporan pelaksanaan program lengkap dikemukakan.

6. Terdapat **empat (4) Jendela Permohonan bagi GPS dan DSK tahun 2026** seperti berikut:

TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN	CATATAN
15 Feb - 31 Oktober	31 Disember 2025	15 Jan	Permohonan secara atas talian
15 April – 31 Oktober	28 Feb 2026	15 Mac	
15 Jun - 31 Oktober	15 April 2026	15 Mei	
1 Sept - 31 Oktober	1 Julai 2026	31 Julai	

KUMPULAN WANG AMANAH SUKAN NEGARA (KWASN)

- I. Inisiatif dana KWASN disediakan bagi tujuan berikut:
- penyertaan atlet** (sama ada yang bernaung di bawah persatuan sukan ataupun persendirian) dalam **kejohanan bertaraf antarabangsa di luar negara** untuk memperbaiki ranking atlet; dan
 - penganjuran kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa oleh persatuan sukan** di luar jendela GPS (November 2026 hingga Januari 2027).
- II. Permohonan KWASN hanya **dipertimbangkan bagi sukan prestasi tinggi** yang dipertandingkan dalam temasya sukan utama (temasya Olimpik/ Paralimpik, Asia/Para Asia, Komanwel

& Sukan SEA/ Para ASEAN) berdasarkan **senarai Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan Majlis Paralimpik Malaysia (MPM)**;

III. Permohonan KWASN juga **dipanjangkan kepada sukan yang bukan di dalam senarai MOM/ MPM** tetapi turut **dipertandingkan dalam temasya sukan utama** seperti di atas;

IV. Ringkasan jendela permohonan KWASN adalah seperti berikut:

a) Permohonan penyertaan oleh atlet ke kejohanan bertaraf antarabangsa di luar negara

TARIKH PROGRAM	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	KEPUTUSAN (sebelum/ pada)	CATATAN
1 Januari – 31 Januari 2026	15 November 2025	15 Disember 2025	Permohonan secara manual melalui serahan borang
1 Februari – 30 April 2026	5 Januari 2026	31 Januari 2026	
1 Mei – 30 Jun 2026	1 Mac 2026	31 Mac 2026	
1 Julai – 31 Ogos 2026	1 Mei 2026	31 Mei 2026	
1 September – 31 Oktober 2026	1 Julai 2026	31 Julai 2026	
1 November – 31 Disember 2026	1 September 2026	30 September 2026	

b) Permohonan Penganjuran Kejohanan Sukan Kebangsaan dan Antrabangsa oleh Persatuan Sukan

TARIKH PROGRAM	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	KEPUTUSAN (sebelum/ pada)	CATATAN
1 November 2026 – 31 Januari 2027	30 Jun 2026	31 Julai 2026	Permohonan secara manual melalui serahan borang

7. Sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan berkenaan GPS, DSK dan KWASN boleh didapati di laman web rasmi www.kbs.gov.my atau pemohon dipelawa membuat janji temu (butiran urus setia di **LAMPIRAN**) dan hadir ke Bilik Gerakan Dana Sukan KBS, Aras 2, Menara KBS, No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62570 Putrajaya. Ringkasan berkaitan tiga dana ini adalah seperti di **LAMPIRAN**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**



PERMOHONAN DANA SUKAN TAHUN 2026

BIL	PERMOHONAN	PEMOHON	TAKWIM PERMOHONAN			MAKLUMAT PERHUBUNGAN															
1.	Geran Padanan Sukan (GPS)	- Badan Sukan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) - Pertubuhan Belia yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) - Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) – peringkat kebangsaan sahaja	<table><tr><th>TARIKH PROGRAM</th><th>PERMOHONAN DITUTUP PADA</th><th>TARIKH KEPUTUSAN</th></tr><tr><td>15 Feb - 31 Oktober</td><td>31 Disember 2025</td><td>15 Jan</td></tr><tr><td>15 April – 31 Oktober</td><td>28 Feb 2026</td><td>15 Mac</td></tr><tr><td>15 Jun - 31 Oktober</td><td>15 April 2026</td><td>15 Mei</td></tr><tr><td>1 Sept - 31 Oktober</td><td>1 Julai 2026</td><td>31 Julai</td></tr></table> <i>*Tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa</i>			TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN	15 Feb - 31 Oktober	31 Disember 2025	15 Jan	15 April – 31 Oktober	28 Feb 2026	15 Mac	15 Jun - 31 Oktober	15 April 2026	15 Mei	1 Sept - 31 Oktober	1 Julai 2026	31 Julai	Laman Web: https://www.kbs.gov.my/gps Urus Setia GPS No Telefon: 03-8871 3058 / 03-8871 3315 E-mel: sekretariatgps@kbs.gov.my Bilik Gerakan: Aras 2, Menara KBS, Putrajaya
TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN																			
15 Feb - 31 Oktober	31 Disember 2025	15 Jan																			
15 April – 31 Oktober	28 Feb 2026	15 Mac																			
15 Jun - 31 Oktober	15 April 2026	15 Mei																			
1 Sept - 31 Oktober	1 Julai 2026	31 Julai																			

LAMPIRAN

BIL	PERMOHONAN	PEMOHON	TAKWIM PERMOHONAN			MAKLUMAT PERHUBUNGAN															
2.	Dana Sukan Komuniti (DSK)	- Badan Sukan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) - Pertubuhan Belia yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) - Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS)	<table><tr><th>TARIKH PROGRAM</th><th>PERMOHONAN DITUTUP PADA</th><th>TARIKH KEPUTUSAN</th></tr><tr><td>15 Feb - 31 Oktober</td><td>31 Disember 2025</td><td>15 Jan</td></tr><tr><td>15 April – 31 Oktober</td><td>28 Feb 2026</td><td>15 Mac</td></tr><tr><td>15 Jun - 31 Oktober</td><td>15 April 2026</td><td>15 Mei</td></tr><tr><td>1 Sept - 31 Oktober</td><td>1 Julai 2026</td><td>31 Julai</td></tr></table> <i>*Tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa</i>			TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN	15 Feb - 31 Oktober	31 Disember 2025	15 Jan	15 April – 31 Oktober	28 Feb 2026	15 Mac	15 Jun - 31 Oktober	15 April 2026	15 Mei	1 Sept - 31 Oktober	1 Julai 2026	31 Julai	Laman Web: https://www.kbs.gov.my/dsk Urus Setia DSK No Telefon: 03-8871 3585/ 03-8871 3202 E-mel: sekretariatdsk@kbs.gov.my Bilik Gerakan: Aras 2, Menara KBS, Putrajaya
TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN																			
15 Feb - 31 Oktober	31 Disember 2025	15 Jan																			
15 April – 31 Oktober	28 Feb 2026	15 Mac																			
15 Jun - 31 Oktober	15 April 2026	15 Mei																			
1 Sept - 31 Oktober	1 Julai 2026	31 Julai																			

LAMPIRAN

BIL	PERMOHONAN	PEMOHON	TAKWIM PERMOHONAN	MAKLUMAT PERHUBUNGAN																											
3.	Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN)	- Badan Sukan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) - Atlet yang bernaung di bawah persatuan sukan - Atlet persendirian	Permohonan penyertaan oleh atlet ke kejohanan bertaraf antarabangsa di luar negara <table><thead><tr><th>TARIKH PROGRAM</th><th>TARIKH TUTUP PERMOHONAN</th><th>KEPUTUSAN (sebelum/ pada)</th></tr></thead><tbody><tr><td>1 Januari – 31 Januari 2026</td><td>15 November 2025</td><td>15 Disember 2025</td></tr><tr><td>1 Februari – 30 April 2026</td><td>5 Januari 2026</td><td>31 Januari 2026</td></tr><tr><td>1 Mei – 30 Jun 2026</td><td>1 Mac 2026</td><td>31 Mac 2026</td></tr><tr><td>1 Julai – 31 Ogos 2026</td><td>1 Mei 2026</td><td>31 Mei 2026</td></tr><tr><td>1 September – 31 Oktober 2026</td><td>1 Julai 2026</td><td>31 Julai 2026</td></tr><tr><td>1 November – 31 Disember 2026</td><td>1 September 2026</td><td>30 September 2026</td></tr></tbody></table> Permohonan Penganjuran Kejohanan Sukan Kebangsaan dan Antrabangsa oleh Persatuan Sukan <table><thead><tr><th>TARIKH PROGRAM</th><th>TARIKH TUTUP PERMOHONAN</th><th>KEPUTUSAN (sebelum/ pada)</th></tr></thead><tbody><tr><td>1 November 2026 – 31 Januari 2027</td><td>30 Jun 2026</td><td>31 Julai 2026</td></tr></tbody></table> <i>*Tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa</i>	TARIKH PROGRAM	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	KEPUTUSAN (sebelum/ pada)	1 Januari – 31 Januari 2026	15 November 2025	15 Disember 2025	1 Februari – 30 April 2026	5 Januari 2026	31 Januari 2026	1 Mei – 30 Jun 2026	1 Mac 2026	31 Mac 2026	1 Julai – 31 Ogos 2026	1 Mei 2026	31 Mei 2026	1 September – 31 Oktober 2026	1 Julai 2026	31 Julai 2026	1 November – 31 Disember 2026	1 September 2026	30 September 2026	TARIKH PROGRAM	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	KEPUTUSAN (sebelum/ pada)	1 November 2026 – 31 Januari 2027	30 Jun 2026	31 Julai 2026	Laman Web: https://www.kbs.gov.my/utama-kwasn Urus Setia KWASN No Telefon: 03-89929741/ 9945/ 9058 E-mel: sekkwasnkew@nsc.gov.my
TARIKH PROGRAM	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	KEPUTUSAN (sebelum/ pada)																													
1 Januari – 31 Januari 2026	15 November 2025	15 Disember 2025																													
1 Februari – 30 April 2026	5 Januari 2026	31 Januari 2026																													
1 Mei – 30 Jun 2026	1 Mac 2026	31 Mac 2026																													
1 Julai – 31 Ogos 2026	1 Mei 2026	31 Mei 2026																													
1 September – 31 Oktober 2026	1 Julai 2026	31 Julai 2026																													
1 November – 31 Disember 2026	1 September 2026	30 September 2026																													
TARIKH PROGRAM	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	KEPUTUSAN (sebelum/ pada)																													
1 November 2026 – 31 Januari 2027	30 Jun 2026	31 Julai 2026																													